

Kota Bharu

Maahad Muhammadi Lelaki mencatatkan sejarah tersendiri apabila 98 pelajarinya memperoleh 11A dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) tahun ini.

Pengetuannya Kamarjan Abdul Rahman berkata, sejak PT3 dilaksanakan pada 2014, ia pencapaian tertinggi diperoleh sekolah berkenaan berbanding 67 pelajar yang memperoleh 11A tahun lalu.

Beliau berkata, walaupun sekolah tidak mencapai sasaran 120 daripada 187 pelajar yang memperoleh 11A, pencapaian itu paling baik hasil bantuan Alumni Maahad Muhammadi Lelaki dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang mengadakan pelbagai program kecemerlangan.

Katanya, selain 11A, seramai 24 pelajar mendapat keputusan 10A, 9A (21), 8A (13), 7A (14), 6A (12), 5A (dua) dan 4A (tiga).

“Walaupun kita mencapai 95.72 peratus lulus, namun pencapaian kita meningkat apabila memperoleh gred purata 1.23 berbanding 1.4 tahun lalu.

“Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) sama seperti sekolah lain, cuma kita memberi tumpuan kepada pelajar yang dikenal pasti bakal mendapat 11A, pada masa



SERAMAI 98 pelajar Maahad Muhammadi Lelaki mendapat 11A dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3.

HARIZAN
METRO
15/12/2014
MIS 24
98 DAPAT 11A

■ **Maahad Muhammadi Lelaki catat sejarah tersendiri dalam Pentaksiran Tingkatan 3**

sama memberi tumpuan kepada pelajar lemah supaya memperoleh C atau D dalam mata pelajaran berbanding E.

“Menerusi cara ini, semua kelompok pelajar dapat merasakan momentum kece-

merlangan termasuk pelajar lemah walaupun pelajar ini tahu dia tidak akan mendapat 11A, tetapi tidak gagal, jadi semua akan berlumba-lumba untuk berjaya,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika dihubungi semalam, selepas berita kejayaan sekolahnya itu mula tular di laman Facebook, sejak kelmarin.

Selain Maahad Muhammadi Lelaki, Maahad Muhammadi Perempuan turut

mencatat keputusan cemerlang apabila seramai 73 pelajarinya memperoleh 11A.

Pengetuannya Mohd Mansor Daud berkata, selain itu seramai 76 pelajar mendapat keputusan 10A, 9A (60), 8A (58), 7A (51), 6A (31), 5A (14)

dan 4A (enam).

“Kita masih mengekalkan keputusan cemerlang setiap tahun dan kita memperoleh 99.7 peratus lulus daripada seramai 361 pelajar menduduki PT3 tahun ini,” katanya.